

Kefahaman Belia Muslim Memilih Pasangan Berdasarkan Konsep *Kafa'ah* Dalam Islam

Understanding of Muslim Youth in Selecting a Spouse Based on the Concept of Kafa'ah in Islam

Zuliza Mohd Kusrin✉, Umami Syahirah Razak

Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Kafa'ah adalah kaedah memilih jodoh berasaskan kesamaan atau keserasian antara pasangan yang akan berkahwin. Ia disarankan oleh Islam dan perlu diambil serius kerana kesilapan memilih pasangan menyebabkan konflik rumah tangga yang boleh menyebabkan perceraian. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji sejauh manakah pengetahuan belia Islam di Daerah Sik Kedah Malaysia tentang pemilihan pasangan hidup berdasarkan ajaran Islam dan konsep kafa'ah yang meliputi kriteria kehartaan, keturunan, kecantikan dan agama. Kajian ini menggunakan pendekatan secara kualitatif dan kuantitatif. Kajian kualitatif menggunakan kajian kepustakaan dengan menganalisis maklumat daripada al-Quran, hadith, buku-buku, artikel jurnal, keratan akhbar, laman sesawang rasmi dan penulisan ilmiah yang berkaitan. Manakala kajian kuantitatif dilakukan bagi mencapai objektif pengetahuan responden berkaitan ciri-ciri pasangan hidup tersebut. Borang soal selidik diedarkan secara atas talian melalui google form kepada para responden dalam kalangan golongan muda berusia 18 tahun ke atas dan beragama Islam di daerah Sik, Kedah. Responden yang terlibat adalah seramai 140 orang. Data dianalisis menggunakan program Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 28.0. Hasil kajian mendapati nilai skor min bagi pengetahuan responden berkenaan pemilihan pasangan hidup berlandaskan konsep kafa'ah adalah baik dan tinggi iaitu ciri harta min = 2.94, ciri keturunan min = 2.94, ciri kecantikan min = 2.73 dan ciri agama dengan min paling tinggi iaitu min = 2.87. Dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan bahawa belia Islam di daerah ini mempunyai pengetahuan yang baik tentang pemilihan pasangan berdasarkan kepada empat ciri-ciri tersebut dan mengutamakan agama dalam pilihan mereka.

KATA KUNCI

Kafa'ah, ciri-ciri pasangan, pemilihan pasangan, perkahwinan, belia Muslim

ABSTRACT

Kafa'ah refers to the method of choosing a spouse based on compatibility or similarity between partners who are to be wed. It is a concept endorsed by Islam and should be taken seriously, as an erroneous choice of partner can lead to marital conflict and potentially divorce. This study investigates the extent of understanding among Islamic youth in the Sik District of Kedah, Malaysia, regarding the selection of a life partner based on Islamic teachings and the concept of kafa'ah, which encompasses criteria such as wealth, lineage, beauty, and religion. The study employs both qualitative and quantitative approaches. The qualitative study involves a literature review, analyzing information from the Quran, Hadith, books, journal articles, newspaper clippings, official websites, and scholarly writings. Meanwhile, the quantitative study aims to assess the respondents' knowledge concerning these characteristics of a life partner. A survey was distributed online via Google Forms to young Muslim respondents aged 18 and above in the Sik District, Kedah. A total of 140 respondents participated. Data were analyzed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) software, version 28.0. The study findings indicate that the respondents' knowledge of selecting a life partner based on the concept of kafa'ah is good and high, with scores for wealth characteristics averaging at 2.94, lineage at 2.94, beauty at 2.73, and religion having the highest average score at 2.87. Overall, the results show that Islamic youth in this area possess good knowledge about choosing a spouse based on these four

Article History

Received: July 13, 2023

Revised: October 5, 2023

Accepted: November 20, 2023

Published: December 15, 2023

✉ Contact

Zuliza Mohd Kusrin
(Corresponding Author)
zuli@ukm.edu.my

Citation

Zuliza Mohd Kusrin, Umami Syahirah Razak. 2023. Kefahaman Belia Islam Memilih Pasangan Berdasarkan Konsep *Kafa'ah* Dalam Islam. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 8(2): 35-45.

Copyright

© 2023 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-NonCommercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

characteristics and prioritize religion in their selection.

KEYWORDS

Kafa'ah, characteristics of a partner, spouse selection, marriage, Muslim youth

PENDAHULUAN

Allah SWT menjadikan manusia dengan fitrahnya yang tersendiri secara berpasang-pasangan, ingin saling menyayangi dan dapat memenuhi kehendak syahwat mereka melalui cara halal sebagaimana yang telah disyariatkan oleh Allah SWT. dalam Surah an-Naba' 78:8. Jadi, ke semua fitrah ini dapat dipenuhi dengan membina sesebuah ikatan perkahwinan. Perkahwinan merupakan ikatan perjanjian antara dua insan untuk berkongsi segalanya dalam menempuhi alam rumah tangga. Sama ada berkongsi suka duka, susah senang bersama, berkongsi masalah dan sebagainya. Setiap ikatan perkahwinan yang dibina itu sudah pasti ada asam garam kehidupannya.

Rumah tangga yang bahagia memerlukan sikap tolak ansur dan memahami antara satu sama lain. Jadi sebelum ikatan perkahwinan dibentuk, soal pemilihan atau ciri pasangan hidup perlu diutamakan. Islam juga menyarankan umatnya untuk mencari dan memilih pasangan hidup yang dirasakan bersesuaian, selesa serta serasi dengan mereka bagi menjamin kehidupan yang lebih bahagia dan teratur. Islam menggalakkan untuk memilih pasangan yang soleh atau solehah, kerana kesolehan, ketaqwaan dan akhlak mulia menurut perhitungan syarak adalah lebih baik daripada harta, pangkat dan segala-galanya (Mohd Saleh 2009). Hal ini selaras dengan hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A bahawa Rasulullah SAW bersabda maksudnya :

Seorang wanita itu dikahwini disebabkan empat perkara. (Iaitu) kerana hartanya, kedudukannya, kecantikannya dan juga kerana agamanya. Maka pilihlah kamu wanita yang beragama nescaya tangan kamu akan bersih dari kotoran. (Bukhari. Kitab al-nikah, Bab al-ikfa' fi al-din. No. 5090)

Dengan melihat ciri-ciri pasangan berdasarkan garis panduan yang telah disyariatkan dalam Islam, sedikit sebanyak ia boleh membantu seseorang itu untuk memilih pasangan yang dirasakan boleh membawa kebahagiaan dalam rumah tangga yang dibina. Apa yang paling penting dalam soal pemilihan pasangan ini ialah meletakkan ciri agama sebagai keutamaan dalam pemilihan pasangan. Justeru, artikel ini menganalisa pengetahuan dan pemilihan ciri-ciri pasangan hidup dalam kalangan golongan belia Islam di daerah Sik, Kedah.

PEMASALAHAN KAJIAN

Rasulullah SAW memberikan panduan kepada umat Islam supaya memilih pasangan berdasarkan empat faktor iaitu harta, keturunan, kecantikan dan

diutamakan melihat kepada agamanya. Hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A. bahawa Rasulullah SAW. bersabda, maksudnya;

Seorang perempuan itu dikahwini disebabkan empat perkara. (Iaitu) kerana hartanya, kedudukannya, kecantikannya, dan juga kerana agamanya. Maka pilihlah kamu wanita yang beragama nescaya tangan kamu akan bersih dari kotoran. (Bukhari. Kitab al-nikah, Bab al-ikfa' fi al-din. No. 5090)

Berdasarkan konsep *kafa'ah*, ciri-ciri berkenaan pasti mempunyai hikmah dan mendatangkan kebaikan dalam hubungan sesama suami isteri, keluarga, masyarakat dan lain-lain lagi. Dewasa ini, soal pemilihan pasangan hidup berjalan seiring dengan perkembangan arus teknologi yang semakin pesat. Golongan muda kini tidak hanya memandang kriteria berdasarkan syariat Islam sahaja, malah juga melihat juga kriteria lain. Kajian Puteri Amylia dan Suzana (2019) terhadap mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia, mendapati ciri-ciri lain seperti mempunyai fizikal yang menarik, tubuh badan yang sihat, baik dan memahami, bijak, mudah berkomunikasi, pandai menguruskan rumah tangga dan berkelulusan universiti turut dipandang mereka dalam penelitian pemilihan pasangan.

Pembentukan keluarga bahagia, bermula dengan pemilihan pasangan yang baik serta meneliti terlebih dahulu calon pasangan suami atau isteri (Abdul Munir & Muhamad Ar 2017). Namun pada hari ini masalah dalam memilih pasangan hidup menjadi salah satu masalah rumit yang dihadapi dalam kalangan golongan muda (Paryadi 2015). Oleh itu, pembentukan keluarga bahagia dalam Islam dianjurkan agar berpandukan konsep *kafa'ah* yang disyariatkan Islam bagi mengelakkan konflik kekeluargaan yang boleh mengakibatkan perceraian.

Adakah isu ciri-ciri *kafa'ah* dan pemilihan calon suami atau isteri mempengaruhi berlakunya kes perceraian? Hal ini kerana rata-rata perceraian berpunca daripada pelbagai faktor seperti tidak bertanggungjawab, kurang didikan agama, perbezaan budaya dan banyak lagi (Mariam & Mohammad Syafirul Zarif 2017). Tambahan pula, sikap pasangan turut mempengaruhi punca perceraian ini berlaku. Misalnya kajian di Kota Bharu, pasangan yang tidak berakhlak, kurang memahami ilmu agama dan tidak bertanggungjawab mempengaruhi perceraian itu berlaku (Wan Murni & Anwar Fakhri 2018).

Kurangnya didikan agama menjadi salah satu punca berlakunya perceraian kerana terdapat pasangan yang tidak melaksanakan tanggung jawab mereka sebagai seorang Muslim. Sememangnya agama merupakan faktor terpenting dan menjadi

salah satu aspek dalam *kafa'ah*. Ketirisan ilmu agama dalam kalangan pasangan menyebabkan mereka tidak mengetahui tanggung jawab sebenar sebagai suami ataupun isteri. Tambahan pula, faktor komunikasi turut menjadi pencetus berlakunya perceraian. Hal ini berlaku apabila pasangan suami isteri tidak mempunyai sikap kesefahaman antara satu sama lain. Misalnya dari segi pasangan tidak mahu mendengar cakap, isteri suka berleter dan pasangan suami isteri yang enggan berbincang (Noor Syaibah et al. 2016). Berikutan perkara ini, sememangnya ilmu berkenaan pemilihan pasangan hidup perlu diterapkan terlebih dahulu kerana ia menjadi bekalan sebelum mendirikan rumah tangga. Ini kerana jika mereka hanya memilih berdasarkan kehendak hati tanpa merujuk kepada ciri-ciri yang disarankan Islam terutamanya dalam faktor agama, maka ia boleh menjurus kepada berlakunya konflik dalam rumah tangga. Jadi, apabila timbulnya konflik seperti ini, adakah masyarakat memahami sebaiknya soal pemilihan pasangan ini?

Justeru, sebelum mendirikan rumah tangga, sangat penting untuk diambil kira soal pengetahuan dalam pemilihan pasangan bagi menjamin keserasian dalam rumah tangga nanti. Dalam Islam, sikap keserasian ini dikaitkan dengan istilah *kafa'ah* atau sekufu. Menurut Wahbah al-Zuhayli (1985) dan Sayyid Sabiq (1990), sekufu antara suami isteri ini dilihat sangat penting bagi memastikan keamanan dan kebahagiaan rumah tangga. Lantaran itu, seeloknya bagi setiap pasangan suami isteri itu serasi dan setaraf dalam banyak perkara agar rumah tangga yang diharungi lebih mudah ditempuhi.

Kajian ini penting bagi mengetahui berkenaan pemilihan pasangan hidup berlandaskan syariat Islam, dan melihat sejauh mana pengetahuan golongan muda berkenaan pemilihan pasangan hidup berasaskan *kafa'ah* dari aspek harta, keturunan, kecantikan dan agama. Kajian ini juga melihat ciri-ciri yang menjadi pilihan bagi golongan belia Islam di Sik, Kedah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian rintis telah dijalankan dan nilai Alpha Cronbach adalah 0.81, iaitu baik. Berdasarkan permasalahan kajian ini, terdapat dua metodologi yang digunakan iaitu kajian secara kualitatif dan kuantitatif. Bagi kajian kualitatif, pengkaji menggunakan metode kajian kepustakaan dan analisis kandungan untuk mengenalpasti dan memahami landasan teori kajian berkenaan pemilihan pasangan hidup berlandaskan syariat Islam dan konsep *kafa'ah* mengikut syarak. Bahan-bahan yang digunakan bagi rujukan kajian ini meliputi al-Quran, hadith, buku-buku, artikel jurnal dan penulisan ilmiah yang berkaitan dengan tajuk penyelidikan sama ada diperolehi di perpustakaan atau di laman sesawang.

Bagi kajian secara kuantitatif pula, reka bentuk kajian yang digunakan adalah kaedah tinjauan

dengan mengedarkan soal selidik kepada responden. Soal selidik diedarkan melalui *google form* dalam tempoh tiga minggu dan melibatkan 140 orang responden yang belum berkahwin berumur dalam lingkungan 18 tahun dan ke atas. Kajian ini menggunakan perisian program G*Power bertujuan untuk mendapatkan saiz sampel yang minimum. Dengan memasukkan 2 pemboleh ubah tidak bersandar bagi kajian ini, keputusan daripada perisian tersebut mendapati aras keyakinan ialah 95% ($\alpha = 0.05$) dan jumlah saiz minimum yang diperlukan ialah 107 sampel. Kajian ini mengumpulkan jumlah sampel yang melebihi jumlah saiz minimum tersebut iaitu seramai 140 orang responden.

Tujuan soal selidik dijalankan bagi melihat sejauh mana pengetahuan golongan belia tentang pemilihan pasangan hidup berasaskan *kafa'ah* dan mengenal pasti ciri-ciri pasangan hidup yang menjadi pilihan golongan belia Islam di Sik, Kedah. Pembinaan soal selidik kajian mencakupi tiga bahagian. Bahagian A berkenaan demografi responden seperti jantina, umur, status, pendapatan dan pendidikan agama. Bahagian B pula adalah berkaitan pengetahuan pemilihan pasangan hidup berasaskan *kafa'ah* berdasarkan aspek harta, keturunan, kecantikan dan agama. Akhir sekali, pada bahagian C berkenaan pemilihan ciri-ciri pasangan hidup dalam golongan belia Islam di Sik, Kedah berdasarkan empat ciri iaitu harta, kedudukan, atau ekonomi, keturunan yang baik atau subur, kecantikan rupa paras dan juga dalam aspek agama atau gaya hidup Islam. Tahap kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini ditentukan dengan menggunakan interpretasi nilai Alpha Cronbach 0.81, di mana ia dianggap sebagai nilai yang baik. Kajian ini juga menggunakan kaedah deskriptif untuk mengenal pasti tahap pengetahuan responden tentang pemilihan pasangan hidup berasaskan *kafa'ah*. Penggunaan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 28.0 turut digunakan bagi memudahkan dan mempercepatkan proses menganalisa data-data kajian. Dapatan kajian dianalisis dan dibincangkan pada bahagian seterusnya.

LIMITASI KAJIAN

Kajian dilakukan dalam kalangan belia Islam di Daerah Sik Kedah, suatu Daerah luar bandar di negeri Zon Utara Malaysia. Kajian dijalankan di Sik Kedah kerana belum ada kajian seumpama ini dilakukan sebelum ini di Negeri Utara Malaysia. Tambahan lagi statistik perceraian negeri-negeri di Malaysia menunjukkan negeri Kedah tidak tersenarai dalam kedudukan tiga negeri tertinggi kadar perceraian, berkemungkinan berkait juga dengan dapatan tahap kefahaman responden yang tinggi tentang pengetahuan pemilihan pasangan berasaskan konsep *kafa'ah* dalam Islam.

Kes perceraian pasangan Islam paling tinggi yang direkodkan di seluruh negara tahun 2021 membabitkan negeri maju seperti Selangor dan Johor. Daripada keseluruhan 45,420 kes perceraian yang didaftarkan di seluruh negara pada 2021, Selangor mencatatkan 8,811 kes, diikuti Johor 5,058 kes, Perak 4,215 kes dan Kelantan 4,093 kes. Seterusnya Kedah merekodkan 3,873 kes perceraian, Pahang (3,409), Terengganu (3,358), Sabah (3,027), Wilayah Persekutuan (2,785), Negeri Sembilan (2,477), Pulau Pinang (1,932), Melaka (1,597) dan Perlis (785). Berdasarkan bilangan kes tersebut tiga negeri yang mencatat kes perceraian tertinggi ialah Selangor (8,811), keduanya Johor (5,058) dan Perak (4,215) (Tuty Haryanti Ahmad Rodzi 2022).

HASIL DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil daripada pengedaran borang soal selidik, pengkaji telah menerima maklumbalas daripada seramai 140 orang responden yang terdiri daripada golongan belia Islam yang menetap di daerah Sik, Kedah. Dapatan kajian dianalisis berdasarkan dua bahagian iaitu bahagian A berkenaan dengan demografi responden. Bahagian B adalah berkenaan pengetahuan pemilihan pasangan hidup berasaskan *kafa'ah* oleh golongan belia Islam di Sik, Kedah dan bahagian ini menggunakan tiga jenis skala iaitu skala 1 tidak setuju, skala 2 tidak pasti dan skala 3 setuju. Pembahagian borang soal selidik ini dilakukan adalah untuk mendapatkan ketepatan maklumat dan pengisian huraian yang lebih terperinci oleh pengkaji.

Bahagian A: Maklumat Demografi Responden

Soal selidik ini dimulakan dengan bahagian A yang merujuk kepada data demografi responden. Jadual 1 menunjukkan maklumat demografi yang dianalisis dalam bentuk kekerapan dan peratus untuk menjelaskan perincian latar belakang responden.

Jadual 1: Demografi Responden

Bil	Kategori	Item	Bilangan Responden	Peratusan (%)
1.	Jantina	Lelaki	41	29.3
		Perempuan	99	70.7
2.	Umur	18-20 Tahun	24	17.1
		21-24 Tahun	101	72.1
		25 Tahun dan ke atas	15	10.7
3.	Status	Bujang	140	100.0
			0	0
			0	0

4.	Pendapatan	RM500-RM2000	55	39.3
		RM2001-RM3000	17	12.1
		RM3001-RM4000	4	2.9
		RM4001 dan ke atas	2	1.4
		Tiada	62	44.3
5.	Pendidikan Agama	Universiti / Kolej	85	60.7
		Sekolah Menengah	51	36.4
		Sekolah Rendah	3	2.1
		Tiada	1	0.7

Sumber: Analisis Ummi Syahirah 2022

Berdasarkan data mengenai demografi responden, disimpulkan bahawa bilangan responden dalam kalangan perempuan yang mengambil bahagian dalam soal selidik kajian ini adalah lebih tinggi iaitu sebanyak 70.7% berbanding responden lelaki. Kesemua responden terdiri daripada yang belum berkahwin. Hal ini bertepatan dengan sasaran pengkaji sendiri kerana pengkaji menasaskan kajian ini terhadap golongan belia yang belum berkahwin. Ia sebagai satu langkah untuk mengenal pasti ciri-ciri pasangan hidup yang menjadi pilihan mereka sebelum mendirikan perkahwinan bersama pasangan yang tepat. Tambahan pula, pengkaji juga mendapati majoriti responden (60.7%) menerima pendidikan agama sehingga peringkat universiti atau kolej dan 36.4% sehingga peringkat sekolah menengah. Namun, masih terdapat juga seorang responden yang tidak menerima pendidikan agama di mana-mana peringkat. Pengkaji melihat didikan agama dalam kalangan golongan muda di Daerah Sik, Kedah masih pada tahap yang baik, namun masih perlu diberi perhatian buat mereka yang masih kurang mendapat didikan agama. Pengkaji juga menjangkakan pada akhir kajian ini tahap pengetahuan mereka berkenaan pemilihan pasangan hidup berasaskan *kafa'ah* berada pada tahap yang baik.

Bahagian B: Dapatan Kajian Mengenai Pengetahuan Pemilihan Pasangan Hidup Berasaskan *Kafa'ah* oleh Golongan Belia Islam di Sik, Kedah

Bagi setiap item soalan dalam bahagian B soal selidik ini, tahap kefahaman responden ditentukan seperti jadual berikut:

Jadual 2: Jadual interpretasi skor min

Skor min	Interpretasi Min
1.00 hingga 1.66	Lemah
1.67 hingga 2.33	Sederhana

2.34 hingga 3.00	Tinggi
------------------	--------

Sumber: Analisis Ummi Syahirah 2022

Pada bahagian B soal selidik, pengkaji mengkaji berkenaan pengetahuan responden dalam pemilihan pasangan hidup berasaskan *kafa'ah*. Item-item soalan yang dibina adalah berkaitan dengan pengetahuan responden terhadap ciri-ciri pemilihan pasangan hidup seperti dari aspek harta atau kekayaan, keturunan, kecantikan dan agama. Keempat-empat ciri ini mengandungi 5 soalan. Bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan item soal selidik, ujian pekali kebolehpercayaan dijalankan dan

mencatat nilai *Alpha Cronbach* =0.81. Menurut Bryman & Cramer (1999), klasifikasi indeks kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* 0.70-0.89 menunjukkan indikator adalah tinggi.

i. Pengetahuan responden berkaitan pemilihan pasangan hidup berdasarkan aspek harta atau kekayaan

Hasil dapatan dalam jadual 3 menunjukkan pengetahuan responden berkaitan pemilihan pasangan hidup berdasarkan aspek harta atau kekayaan.

Jadual 3: Pengetahuan responden tentang pemilihan pasangan hidup berdasarkan aspek harta atau kekayaan

Bil	Item	Kekerapan/Peratus %			Skor Min	Tahap
		S	TP	TS		
1.	Saya tahu Islam menggalakkan untuk memilih pasangan yang mempunyai harta.	93 (66.4)	37 (26.4)	10 (7.1)	2.59	Tinggi
2.	Saya tahu suami berharta atau tidak, wajib memberi nafkah kepada isterinya.	135 (96.4)	2 (1.4)	3 (2.1)	2.94	Tinggi
3.	Saya tahu harta sahaja tanpa agama tidak boleh menjamin kebahagiaan rumah tangga.	125 (89.3)	7 (5.0)	8 (5.7)	2.84	Tinggi
4.	Saya tahu pasangan yang mempunyai harta boleh menyara kehidupan keluarganya.	105 (75.0)	31 (22.1)	4 (2.9)	2.72	Tinggi
5.	Saya tahu pasangan yang tidak berharta akan menimbulkan kesusahan dalam sesetengah rumah tangga.	56 (40.0)	57 (40.7)	27 (19.3)	2.20	Sederhana

*S= Setuju, TP= Tidak Pasti, TS=Tidak Setuju

Sumber: Analisis Ummi Syahirah 2022

Berdasarkan Jadual 3, skor min yang diperolehi adalah di antara 2.20 hingga 2.94. Item yang tertinggi mencatat nilai min = 2.94 iaitu pada item ke-2, 'Saya tahu suami berharta atau tidak, wajib memberi nafkah kepada isterinya'. Ini menunjukkan majoriti responden mengetahui bahawa suami wajib memberi nafkah kepada isterinya kerana terdapat 96.4% daripada mereka bersetuju dengan kenyataan ini. Namun, masih terdapat segelintir responden yang tidak bersetuju dan tidak pasti berkenaan kewajipan memberi nafkah ini. Agama menetapkan bahawa suami wajib memberikan nafkah kepada isterinya sama ada nafkah zahir seperti makan, minum, pakaian dan lain-lain begitu juga nafkah dari segi batin sesuai dengan kemampuannya (Robiatul Adawiyah t.th). Kewajipan pemberian nafkah oleh

suami juga dinyatakan dalam Surah Al-Baqarah 2: 233 yang bermaksud;

Dan kewajiban ayah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara ma'ruf. Seseorang tidak dibebani melainkan menurut kadar kesanggupannya.

Begitu juga pada item soalan yang lain iaitu pada item 1, item 3 dan item 4, ketiga-tiga item ini memperoleh nilai skor min dan masih berada pada tahap yang tinggi, di mana ia melibatkan majoriti responden bersetuju dengan ketiga-tiga kenyataan tersebut. Ini menunjukkan mereka mengetahui Islam juga meletakkan harta sebagai salah satu ciri dalam pemilihan pasangan hidup namun ia tidaklah sampai mewajibkan. Begitu juga responden mengetahui dengan baik apabila seseorang yang mempunyai harta boleh menyara kehidupan keluarganya dan mengetahui harta sahaja tanpa agama dalam diri seseorang tidak mampu menjamin kebahagiaan yang

berterusan. Ini kerana pemilihan pasangan yang dibuat berdasarkan harta semata-mata adalah sia-sia, kerana harta akan berkurang jika tidak diuruskan dengan baik. Namun, jika mereka tetap mendahulukan agama, maka pilihan yang dibuat adalah yang terbaik.

Manakala bagi item ke-5 ‘Saya tahu pasangan yang tidak berharta akan menimbulkan kesusahan dalam sesetengah rumah tangga’ mencatat nilai skor min yang sederhana iaitu = 2.20. Hal ini berikutan, jumlah responden yang bersetuju dengan item tersebut adalah sedikit iaitu 40% sahaja. Manakala selebihnya lagi tidak pasti dan tidak bersetuju tentang perkara ini. Ini menunjukkan tahap kefahaman responden pada kenyataan ini berada di tahap sederhana. Sememangnya harta bukanlah segala-galanya yang dapat memberi kebahagiaan dalam kehidupan seseorang. Namun dalam urusan pemilihan pasangan hidup, faktor pemilikan harta memainkan peranan yang penting kerana ia menjadi jaminan untuk mencapai kebahagiaan dan keharmonian dalam rumah tangga (Abdul Munir & Muhamad Ar 2017). Tambahan lagi, tidak berharta juga akan menimbulkan lagi masalah kewangan. Masalah kewangan ini pula menjadi salah satu punca

berlakunya perceraian dalam sesetengah rumah tangga disebabkan kos sara hidup yang tinggi (Umami Kalsum et al. 2019). Ini menunjukkan bahawa harta juga menjadi salah satu keperluan dalam pemilihan pasangan hidup.

Kesimpulannya, bagi item pada bahagian pengetahuan responden terhadap ciri-ciri pemilihan pasangan hidup dari aspek harta ini telah menunjukkan pengetahuan responden berada pada tahap yang tinggi berdasarkan purata min secara keseluruhan yang diperolehi adalah sebanyak 2.94. Hal ini menggambarkan responden mempunyai pengetahuan yang baik berkenaan perkara ini. Walaubagaimanapun, ianya masih perlu diberikan lagi perhatian kerana masih terdapat sebahagian daripada mereka yang masih keliru tentang perkara ini.

ii. Pengetahuan responden tentang pemilihan pasangan hidup berdasarkan aspek keturunan

Dalam bahagian ini, dapatan pengetahuan responden tentang pemilihan pasangan berdasarkan aspek keturunan ditunjukkan seperti jadual berikut:

Jadual 4: Pengetahuan responden tentang pemilihan pasangan hidup berdasarkan aspek keturunan

Bil	Item	Kekerapan/Peratus %			Skor Min	Tahap
		S	TP	TS		
1.	Saya tahu Islam menyarankan memilih pasangan dari keturunan yang baik.	132 (94.3)	7 (5.0)	1 (0.7)	2.94	Tinggi
2.	Saya tahu pasangan dari keturunan yang baik dapat menjamin masa depan pasangan suami isteri.	114 (81.4)	18 (12.9)	8 (5.7)	2.76	Tinggi
3.	Saya tahu pasangan berketurunan baik akan melahirkan generasi yang baik.	107 (76.4)	28 (20.0)	5 (3.6)	2.73	Tinggi
4.	Saya tahu Islam lebih menyarankan umatnya memilih pasangan bukan dari kerabat terdekat	105 (75.0)	32 (22.9)	3 (2.1)	2.73	Tinggi
5.	Saya tahu pemilihan pasangan dari keturunan yang baik adalah untuk menjaga zuriat keturunan.	115 (82.1)	23 (16.4)	2 (1.4)	2.81	Tinggi

*S= Setuju, TP= Tidak Pasti, TS=Tidak Setuju

Sumber: Analisis Umami Syahirah 2022

Jadual 4 menunjukkan dapatan pengetahuan responden terhadap pemilihan pasangan hidup berdasarkan aspek keturunan. Skor min yang diperolehi adalah di antara 2.73 hingga 2.94. Item yang tertinggi, dengan nilai min = 2.94 iaitu pada item 1, ‘Saya tahu Islam menyarankan memilih pasangan dari keturunan yang baik’. Ini

menunjukkan majoriti responden mengetahui bahawa Islam amat menggalakkan umatnya untuk mencari dan memilih pasangan yang datang dari keturunan yang baik kerana 94.3% daripada mereka bersetuju dengan kenyataan ini. Namun, masih terdapat juga segelintir responden yang tidak bersetuju dan tidak pasti berkenaan saranan ini. Kenyataan ini merupakan kenyataan yang benar kerana

berpandukan kepada hadith Rasulullah SAW berkaitan ciri-ciri pemilihan calon isteri dengan melihat kepada agama, harta, keturunan dan kecantikan. Keturunan yang baik di sini meliputi latar belakangnya yang jauh dari keturunan yang memiliki penyakit sopak, gila dan sebagainya (Shaleh Ghonim as-Sadlani 1993). Begitu juga keturunan yang baik turut dilihat dari segi latar belakang agamanya. Kebiasaannya keluarga yang mempunyai pegangan agama yang kuat akan dapat melahirkan generasi yang patuh dan taat kepada Allah SWT. Bagi item ke-2 yang mencatat nilai min yang tinggi iaitu "Saya tahu pasangan dari keturunan yang baik dapat menjamin masa depan pasangan suami isteri" dengan nilai min= 2.76.

Manakala, bagi item yang mendapat skor min terendah dengan nilai min = 2.73 adalah pada item ke-3 dan ke-4. Walaupun skor min pada kedua-dua item rendah berbanding item-item yang lain, tetapi ia masih berada pada tahap pengetahuan yang tinggi. Item ke-3 iaitu 'Saya tahu pasangan berketurunan baik akan melahirkan generasi yang baik'. Terdapat 76.4% responden bersetuju dengan kenyataan ini manakala selebihnya tidak bersetuju dan tidak pasti. Bagi responden yang bersetuju, pengkaji berpandangan mereka memahami perkara ini dari sudut yang baik. Sememangnya keturunan yang baik ini dikatakan satu jaminan untuk melahirkan generasi yang baik. Namun, untuk menghasilkan generasi yang baik maka ia perlulah dipandu juga oleh pengetahuan agama yang cukup (Walid, Ahmad Kamil & Syed Najihuddin 2009). Ini kerana terdapat juga ibu bapa yang berketurunan baik namun apabila terleka untuk memberikan didikan agama yang secukupnya kepada anak-anak, maka anak-anak tersebut boleh hanyut dan tidak mampu mengikut sikap ibu bapa mereka. Jika pasangan itu mempunyai keturunan yang baik, namun kurang berpegang teguh pada agamanya, maka sebaiknya tidak dipilih pasangan tersebut. Ia adalah lebih baik memilih pasangan yang kuat agamanya walaupun tidak memiliki keturunan yang baik. Oleh itu, didikan agama untuk memastikan generasi yang baik dapat dilahirkan.

Pada item ke-4 iaitu 'Saya tahu Islam lebih menganjurkan umatnya memilih pasangan bukan dari kerabat terdekat' kelihatan ia berada pada tahap pengetahuan yang tinggi kerana 75% responden bersetuju dengan kenyataan ini. Namun segelintir responden lagi tidak pasti dan tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Kenyataan ini merupakan kenyataan yang benar dan mereka yang bersetuju mempunyai pengetahuan berkenaan perkara ini. Ini kerana Islam menggalakkan untuk memilih pasangan yang bukan dari kerabat terdekat. Kerabat terdekat di sini dimaksudkan dengan keluarga terdekat, mereka yang mempunyai pertalian darah, atau saudara mara (Kamus Dewan Edisi ke-4). Sebenarnya Islam menggalakkan untuk memilih pasangan hidup yang tiada hubungan kekeluargaan bertujuan untuk mengembangkan lagi masyarakat di samping menyambung silaturrahim serta mengeratkan tali persaudaraan. Ini merupakan kewajaran yang dikemukakan oleh para ulama' mengapa digalakkan untuk memilih calon pasangan dari kalangan yang tiada hubungan kekeluargaan (Abd. Kadir 2002).

Pada item 5 iaitu "Saya tahu pemilihan pasangan dari keturunan yang baik adalah untuk menjaga zuriat keturunan" juga berada pada tahap pengetahuan yang tinggi iaitu nilai skor min= 2.81. Justeru, dapat disimpulkan bahawa pada bahagian pengetahuan responden terhadap ciri-ciri pemilihan pasangan hidup dari aspek keturunan ini telah menunjukkan pengetahuan responden berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengetahuan golongan muda di daerah Sik, Kedah berkaitan pemilihan pasangan berdasarkan aspek keturunan ini berada pada tahap yang baik dan memuaskan.

iii. Pengetahuan responden tentang pemilihan pasangan hidup berdasarkan aspek kecantikan

Dapatan dalam jadual 5 menunjukkan pengetahuan responden tentang pemilihan pasangan hidup berdasarkan aspek kecantikan.

Jadual 5: Pengetahuan responden tentang pemilihan pasangan hidup berdasarkan aspek kecantikan

Bil	Item	Kekerapan/Peratus %			Skor Min	Tahap
		S	TP	TS		
1.	Saya tahu kecantikan merupakan salah satu ciri yang disarankan Islam dalam pemilihan pasangan hidup.	91 (65.0)	36 (25.7)	13 (9.3)	2.56	Tinggi
2.	Saya tahu kecantikan sahaja tidak mencukupi untuk menjamin kebahagiaan jika pasangan tidak beragama.	127 (90.7)	8 (5.7)	5 (3.6)	2.87	Tinggi
3.	Saya tahu wanita yang cantik akhlaknya sudah pasti cantik dari segi dalaman dan luarannya.	97 (69.3)	23 (16.4)	20 (14.3)	2.55	Tinggi

4.	Saya tahu Islam tidak melarang kaum lelaki untuk mencari calon isteri dengan melihat kepada kecantikannya.	112 (80.0)	25 (17.9)	3 (2.1)	2.78	Tinggi
5.	Saya tahu kecantikan rupa paras adalah bergantung kepada pandangan seseorang.	125 (89.3)	13 (9.3)	2 (1.4)	2.88	Tinggi

*S= Setuju, TP= Tidak Pasti, TS=Tidak Setuju

Sumber: Analisis Ummi Syahirah 2022

Berdasarkan Jadual 5, nilai skor min yang diperolehi adalah di antara 2.55 hingga 2.88. Item yang ke-5 ‘Saya tahu kecantikan rupa paras adalah bergantung kepada pandangan seseorang’ mencatat nilai min tertinggi iaitu= 2.88 apabila majoriti responden (89.3%) bersetuju dengan kenyataan tersebut. Manakala, selebihnya memilih tidak pasti dan tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Sudah menjadi lumrah lelaki terpicik dengan wanita cantik, begitu juga sebaliknya. Tetapi selera setiap orang terhadap kecantikan adalah berbeza. Terdapat individu yang lebih mementingkan kecantikan zahir, dan juga yang lebih mementingkan kecantikan perwatakan (Rafida Ramelan 2021). Jadi ia terletak pada pandangan seseorang itu dalam menilainya. Begitu juga menurut Syeikh Ali (1991), kecantikan rupa paras adalah bergantung pada pandangan seseorang. Jadi kenyataan tersebut adalah benar dan responden yang bersetuju dengan kenyataan ini didedahkan perkara ini dengan baik.

Item yang memperoleh skor min paling rendah berbanding item-item yang lain dengan nilai skor min= 2.55, iaitu pada item ke-3 ‘Saya tahu wanita yang cantik akhlaknya sudah pasti cantik dari segi dalaman dan luarannya’. Di sini menunjukkan terdapat 69.3% responden bersetuju dengan kenyataan ini. Namun, selebihnya lagi tidak bersetuju dan tidak pasti tentang kenyataan ini. Kenyataan ini merupakan kenyataan yang benar kerana apabila dilihat wanita yang cantik akhlaknya kebiasaannya pada dalaman dan luarannya juga adalah cantik. Kecantikan tidak semestinya diukur pada rupa paras sahaja, malah ia meliputi akhlak dan hati seseorang. Syeikh Ali (1991) juga menyatakan wanita yang cantik akhlaknya ini adalah terletak pada pengamalan agamanya. Wanita yang memiliki sifat terpuji seperti ini merupakan wanita yang cantik dari segi zahir dan batinnya. Jadi, bagi responden yang

bersetuju tentang kenyataan ini mengetahui berkenaan perkara ini dengan baik.

Nilai min bagi item 1= 2.56, item 2= 2.87 dan item 3 =2.78 menunjukkan ketiga-tiga item ini memperoleh dapatan dan pengetahuan pada tahap yang tinggi, di mana ia melibatkan majoriti responden bersetuju dengan ketiga-tiga kenyataan tersebut. Sememangnya kecantikan menjadi salah satu ciri-ciri yang boleh dilihat dalam pemilihan pasangan tetapi ia bukanlah menjadi asas utama berbanding dengan agama kerana kecantikan sahaja tidak mampu menjamin kebahagiaan dalam rumah tangga jika pasangannya tidak mempunyai pegangan agama. Namun Islam juga tidak melarang kaum lelaki untuk mencari calon isteri dengan melihat kepada kecantikannya. Ini kerana larangan ini hanyalah apabila perkahwinan itu didasari atas faktor kecantikan semata-mata tanpa memandang agama seseorang (Muhammad al-Baqir 2014).

Kesimpulannya, bagi item pada bahagian pengetahuan responden terhadap ciri-ciri pemilihan pasangan hidup dari aspek kecantikan ini telah menunjukkan pengetahuan responden berada pada tahap yang tinggi berdasarkan purata min secara keseluruhan yang diperolehi adalah sebanyak 2.73. Hal ini menggambarkan responden mempunyai pengetahuan yang baik berkenaan perkara ini.

iv. Pengetahuan responden tentang pemilihan pasangan hidup berdasarkan aspek agama

Berdasarkan Jadual 6 menunjukkan dapatan pengetahuan responden terhadap pemilihan pasangan hidup berdasarkan aspek agama. Kelima-lima item soalan yang dibina memperoleh nilai skor min yang tinggi. Skor min yang diperolehi adalah di antara 2.92 hingga 2.99.

Jadual 6: Pengetahuan responden tentang pemilihan pasangan hidup berdasarkan aspek agama

Bil	Item	Kekerapan/Peratus %			Skor Min	Tahap
		S	TP	TS		
1.	Saya tahu agama merupakan ciri-ciri utama dalam pemilihan pasangan hidup.	138 (98.6)	2 (1.4)	0 (0)	2.99	Tinggi

2.	Saya tahu pasangan yang memiliki agama yang baik boleh menjamin keharmonian dalam rumah tangga.	130 (92.9)	9 (6.4)	1 (0.7)	2.92	Tinggi
3.	Saya tahu suami yang mempunyai agama yang baik boleh membimbing isterinya ke arah yang baik.	133 (95.0)	7 (5.0)	0 (0)	2.95	Tinggi
4.	Saya tahu wanita yang mempunyai agama yang teguh akan taat kepada suaminya.	131 (93.6)	7 (5.0)	2 (1.4)	2.92	Tinggi
5.	Saya tahu pasangan yang mempunyai agama yang baik mampu memberikan didikan agama yang baik kepada anak-anaknya.	135 (96.4)	5 (3.6)	0 (0)	2.96	Tinggi

*S= Setuju, TP= Tidak Pasti, TS=Tidak Setuju

Sumber: Analisis Ummi Syahirah 2022

Dalam kategori pemilihan pasangan hidup berdasarkan aspek agama, item yang tertinggi dengan nilai min 2.99 merupakan item 1 'Saya tahu agama merupakan ciri-ciri utama dalam pemilihan pasangan hidup'. Terdapat 98.6% responden yang sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut, menunjukkan bahawa hampir kesemua responden dalam kajian ini mengetahui bahawa Islam mengutamakan ciri agama dalam pemilihan pasangan hidup. Dapatan ini selaras dengan kajian Sahaffi dan Fuziah (1997) bahawa aspek agama adalah yang paling mendapat keutamaan diikuti oleh faktor-faktor pekerjaan yang tetap dan stabil, keturunan, sebangsa, hubungan kekeluargaan, berpendidikan setaraf, kecantikan, berasal dari negeri yang sama dan kekayaan. Namun, masih terdapat juga segelintir responden yang tidak pasti berkenaan kenyataan tersebut. Kenyataan ini adalah benar dan responden yang bersetuju (98.6%) menunjukkan mereka betul-betul mengetahui kepentingan agama dalam pemilihan calon pasangan hidup. Setiap orang bebas memilih pasangan dari mana-mana keturunan yang mereka inginkan dan orang secantik atau sekacak mana untuk menemani kehidupan mereka. Namun perkara ini tidak berlaku dalam perihal agama, kerana agama adalah sepenuhnya menjadi hak Allah SWT. Jadi ia perlu diutamakan dan tidak boleh dipilih. Sememangnya agama merupakan ciri atau faktor yang paling dominan dan paling utama dalam memilih pasangan hidup, kerana dari faktor inilah yang akan menentukan kebahagiaan dan kedamaian rumah tangga (Aeni Mahmudah 2016).

Manakala, bagi item yang mendapat skor min terendah dengan nilai min = 2.92 adalah pada item ke-2 dan ke-4. Walaupun skor min pada kedua-dua item rendah berbanding item-item yang lain, tetapi ianya masih berada pada tahap pengetahuan yang tinggi. Item 2 iaitu 'Saya tahu pasangan yang memiliki agama yang baik boleh menjamin keharmonian dalam rumah tangga' menunjukkan majoriti 92.9% bersetuju, 6.4% responden memilih tidak pasti, dan selebihnya 0.7% tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Pasangan yang mempunyai

pegangan agama yang baik merupakan satu jaminan dalam pembentukan rumah tangga yang bahagia. Hal ini disokong oleh Wahbah al-Zuhaili (1985) yang menyatakan bahawa pegangan agama yang kukuh merupakan tunjang kepada pembinaan institusi rumahtangga yang diredhai Allah SWT. dan berharga menurut perspektif Islam. Ini menunjukkan bahawa responden yang bersetuju dengan kenyataan ini mengetahui dengan baik berkaitan kepentingan agama dalam pembentukan rumah tangga yang sakinah.

Seterusnya pada item 3 "Saya tahu suami yang mempunyai agama yang baik boleh membimbing isterinya ke arah yang baik", mencatat nilai skor min yang tinggi iaitu 2.95. Seterusnya pada item ke-4 'Saya tahu wanita yang mempunyai agama yang teguh akan taat kepada suaminya'. Jika dilihat pada item ini, terdapat responden yang tidak bersetuju mengenai kenyataan ini. Kenyataan ini merupakan kenyataan yang benar. Wanita yang kuat pegangan agamanya tidak akan melakukan perkara yang boleh mencemarkan maruah suami dan perkara yang dilarang oleh Allah SWT seperti nusyuz terhadap suami (Hidayatullah 2006). Bahkan isteri yang taat kepada Allah ini akan sentiasa berusaha menasihati suaminya jika terlalai dalam mengingati Allah. Akhlak mulia sebeginilah mencerminkan keperibadian wanita solehah dan seterusnya menjadikan rumah tangga kekal harmoni. Jadi, responden yang bersetuju dengan kenyataan ini dilihat mengetahui perkara ini sebaiknya, manakala bagi mereka yang tidak bersetuju, pengkaji menganggap bahawa mereka memandang perkara ini dari sudut yang lain atau belum mempunyai pengetahuan berkenaan perkara ini.

Bagi item tentang didikan agama boleh membimbing isteri dan anak-anak, ianya berada di tahap pengetahuan yang tinggi. Item 3 berkenaan "Saya tahu suami yang mempunyai agama yang baik boleh membimbing isterinya ke arah yang baik" memperoleh dapatan min 2.95. Item 5 iaitu "Saya tahu pasangan yang mempunyai agama yang baik mampu memberikan didikan agama yang baik kepada anak-anaknya", memperoleh dapatan min

2.96. Hal ini menunjukkan kesedaran responden tentang kepentingan pendidikan agama yang boleh ditransformasikan untuk mendidik isteri dan anak-anak.

Kesimpulannya, bagi item pada bahagian pengetahuan responden terhadap ciri-ciri pemilihan pasangan hidup dari aspek agama ini telah menunjukkan pengetahuan responden berada pada tahap yang tinggi berdasarkan purata min secara keseluruhan yang diperolehi ialah 2.95. Purata pada ciri-ciri agama ini dilihat lebih tinggi berbanding purata ciri-ciri yang lain. Hal ini menggambarkan responden mempunyai pengetahuan yang sangat baik dan menitikberatkan pemilihan pasangan berdasarkan faktor agama ini.

Jadi, dapat dirumuskan bahawa secara keseluruhannya pada bahagian ini, pengetahuan responden berkenaan pemilihan pasangan hidup berasaskan *kafa'ah* yang meliputi ciri harta, keturunan, kecantikan dan agama berada pada tahap yang tinggi. Ini berdasarkan purata min yang berada pada tahap yang tinggi yang diperbincangkan pada sebelum ini. Namun, masih terdapat beberapa item soalan pada setiap ciri yang mendapat min terendah perlu diberi perhatian iaitu bagi ciri harta pada item soalan yang memperolehi min= 2.20, ciri keturunan min= 2.73, ciri kecantikan min= 2.55, dan ciri agama pada item soalan yang memperolehi min= 2.92. Walaupun ia mempunyai min terendah berbanding item soalan yang lain, namun masih berada pada tahap yang tinggi kecuali pada min = 2.20 berada di tahap sederhana. Ini menunjukkan responden mempunyai pengetahuan yang amat baik berkenaan pemilihan pasangan hidup berdasarkan keempat-empat ciri tersebut.

PENUTUP

Kesimpulannya pengetahuan para responden yang terdiri daripada golongan belia Islam di Daerah Sik, Kedah berkenaan pemilihan pasangan hidup berasaskan *kafa'ah* meliputi ciri harta, keturunan, kecantikan dan agama berada pada tahap yang tinggi dan baik bagi keempat-empat ciri tersebut iaitu antara 2.99 -2.55. Namun, tumpuan penekanan perlu bagi min terendah pada item soalan setiap ciri tersebut. Walaupun ia mempunyai min terendah berbanding item soalan yang lain, namun masih berada pada tahap yang tinggi kecuali min yang berada di tahap sederhana (2.20). Justeru, langkah yang komprehensif perlu diambil oleh semua pihak dalam memantapkan lagi pengetahuan berkaitan pemilihan pasangan sebelum mendirikan rumah tangga. Dicadangkan pengetahuan tentang *kafa'ah* ditekankan dan dimasukkan secara jelas dalam silibus pra-perkahwinan, berkaitan pemilihan calon pasangan suami dan isteri bagi menjamin kelangsungan kehidupan rumah tangga keluarga Muslim di Malaysia.

PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada Geran Penyelidikan Universiti (GUP) tajaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), bertajuk : Garis Panduan Penentuan Kriteria *Kafa'ah* dalam Perkahwinan Menurut Maqasid Syariah. (Kod Penyelidikan - GUP-2022-032)

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.
- Abd. Kadir Abd. Hassan. 2002. *Perkahwinan dalam Islam*. Kuala Lumpur: Al Hidayah Publishers.
- Abdul Munir & Muhamad Ar. 2017. Analisis Awal Pemilihan Jodoh Kaum Lelaki di Kota Bhar, Kelantan. *Al-Hikmah*. 9 (1): 3-24. <http://journalarticle.ukm.my/11187/1/143-1004-2-PB.pdf> [2 Jun 2022].
- Addin. 2021. Tutup aurat sempurna. *Harian Metro Online*. 3 Mac. <https://www.hmetro.com.my/amp/addin/2021/03/680034/tutup-aurat-sempurna> [18 Jun 2022].
- Aeni Mahmudah. 2016. Memilih Pasangan Hidup Perspektif Hadits (Tinjauan Teori dan Aplikasi). *Diya al-Afkar*. Vol.4 (1): 88-116. <https://www.syekhnujrati.ac.id/jurnal/index.php/diya/article/download/886/630> [2 Februari 2022].
- Anon. 2022. Isteri boros buat suami makan hati. *Kosmo Online*. 5 Mac. <https://www.kosmo.com.my/2022/03/05/isteri-boros-buat-suami-makan-hati/> [18 Jun 2022].
- Brymen, A. & Cramer, D. 1999. *Quantitative data analysis with SPSS Release 8 for Windows: A Guide For Social Scientists*. London: Routledge.
- Engku Ahmad Zaki. 2010. *Aku Nikah Akan Dikau*. Kuala Lumpur: Must Read Sdn Bhd.
- Hidayatullah Mohd. Syarif Aziz. 2006. *Dara dan Teruna*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Mariam Abd. Majid & Mohammad Syafirul Zarif Saleh Hudin. 2017. Perceraian Rumah Tangga Di Negeri Selangor Darul Ehsan Dan Pendekatan Menanganinya. *e-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*. Vol.4 (2): 285-303. <http://rnc.kuis.edu.my/jpi/wp-content/uploads/2017/10/PM-DR-MARIAM-285-303.pdf> [2 Februari 2022].
- Mohd Saleh Haji Ahmad. 2009. *Perkahwinan dan Perceraian dalam Islam*. Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid Sdn. Bhd.
- Muhammad al-Baqir. 2014. *Menyingkap Hakikat Perkahwinan*. Jakarta: Penerbit Mizan.
- Muhammad Zaid Shamsul Kamar, Mohamad Redha Mohamad & Shahrudin Saad. 2018. Sejarah Penurunan Al-Quran: Implikasi Terhadap Manusia. *Proceeding of The International Conference On Contemporary*

- Issues In Al-Quran And Hadith 2018 (THIQAH 2018)*, hlm. 84-91. http://conference.kuis.edu.my/thiqah/images/eprosiding/1008_THIQAH2018.pdf [2 Jun 2022].
- Noor Syaibah Shahabuddin, Norziliah Johari, Norhasima Abdullah & Syazwana. 2016. Perceraian dalam Kalangan Pasangan Dewasa Pertengahan di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAIDHL): Eksplorasi Faktor. *Jurnal Sains Sosial*. Vol.1: 36-52. <https://www.kuim.edu.my/journal/index.php/JSS/article/download/50/42> [2 Februari 2022].
- Paryadi. 2015. Memilih Jodoh dalam Islam. *Waratsah*. Vol.1 (1): 87-108. <http://www.waratsah.com/index.php/waratsah/article/download/16/15> [15 April 2022].
- Puteri Amylia Ulul Azmi & Suzana Mohd Hoesni. 2019. Gambaran Preferensi Pemilihan Pasangan Hidup Pada Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *An – Nafs: Jurnal Fakultas Psikologi*. Vol. 13 (2): 96-107. <https://journal.uir.ac.id/index.php/annafs/article/download/4139/2330/> [23 Mei 2022].
- Rafida Ramelan. 2021. Sekufu dalam Konteks Hukum Keluarga Modern. *TAHKIM, Jurnal Peradaban dan Hukum Islam*. Vol.4 (1): 117-136. <https://ejournal.unisba.ac.id/index.php/tahkim/article/download/7560/pdf> [2 Februari 2022].
- Sayyid Sabid. 1990. *Fiqh as-Sunnah*. Jilid 6, terjemahan oleh Mahyuddin Syaf. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Shaffie dan Fuziah. 1997. *Faktor-faktor pemilihan jodoh di kalangan pelajar Universiti Utara Malaysia*. Project Report. Universiti Utara Malaysia, Sintok. (Unpublished)
- Shaleh Ghonim As-Sadlani. 1993. *Nusyuz Konflik Suami Isteri Dan Penyelesaiannya*. (Muhammad Abdul Ghaffar & Amir Hamzah Fachruddin, Terjemahan). Jakarta: Pustaka Al-Kautsar.
- Siti Sarah Zainal Abidin & Mohd. Nawis Ismail. 2018. Busana Muslimah menurut perspektif al-Quran dan al-Hadith. *Jurnal Insaniah: Online Journal of Language, Communication and Humanities*. Vol. 1(2): 60-71. <http://umkeprints.umk.edu.my/10625/1/Busana%20Muslimah%20Menurut%20Perspektif%20Al-Quran%20dan%20Al-Hadith.pdf> [15 Jun 2022].
- Syeikh Ali Hassan. 1991. *Munakahat Membahas Soal-Soal Perkahwinan Dan Rumahtangga*. Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan Sdn. Bhd.
- Tuty Haryanti Ahmad Rodzi. 20220 <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/03/937674/selangor-johor-catat-kes-cerai-paling-tinggi>
- Ummi Kalsum, Nurul Syafiqah, Nur Faatihah, Nurul Izzati, Aziefa Rosnie, Nur Faqihah, Zainul Dalili Diyanah & Nurhazieyah Affyqah. 2019. Perceraian selepas berkahwin dalam pasangan golongan muda. https://www.researchgate.net/publication/337956010_PENCERAIAN_SELEPAS_BERKAHWIN_DALAM_PASANGAN_GOLONGAN_MUDA [10 Jun 2022].
- Wahbah al-Zuhaily. 1985. *Al-fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, Juz 7. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Wahbah al-Zuhaily. T.th. *Al Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*. Juzuk 9. Damsyik: Dar al-Fikr
- Walid Mohd Said, Ahmad Kamil Jamilin & Syed Najihuddin Syed Hassan. 2009. Mencari Jodoh: Motivasi Dari Teladan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasalam. Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Kaunseling. Universiti Pendidikan Sultan Idris. https://www.researchgate.net/publication/326647600_MENCARI_JODOH_MOTIVASI_DARI_TELADAN_RASULULLAH_SALLALLAHU_ALAIHI_WASALLAM [17 Januari 20].

Journal of Contemporary ISLAMIC LAW

Volume: 8 Issue: 2

ISSN 2976-3916 eISSN: 0127-788X

DECEMBER 2023



Published by:
Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
www.ukm.my/jcil

eISSN 0127-788X



KANDUNGAN / CONTENTS

Keperntingan Amalan Beragama Bagi Warga Emas dan Perlaksanaannya di Pusat Jagaan Terpilih di Malaysia	1-9
<i>The Importance of Religious Practice for the Elderly and Its Implementation in Selected Care Centers in Malaysia</i> Zainursyamimi Zakaria, Zuliza Mohd Kusrin	
Hukum Normalisasi Hubungan Diplomatik dengan Israel Menurut Siyash Shar'iyah	10-18
<i>The Legality of Normalizing Diplomatic Relations with Israel According to Siyash Shar'iyah</i> Mohamad Ridhuan bin Mohd Zawawi, Anwar Fakhri bin Omar	
The Determination of Citizenship for Children Born Aboard International Flights: A Comparative Analysis Under International, Nigerian, and Islamic Legal Frameworks	19-26
Ismail Adua Mustapha	
Analisis Hibah Menurut Tinjauan Fiqh dan Kompilasi Hukum Ekonomi Syariah (KHES)	27-34
<i>Analysis of Hibah (Gift) in the Context of Fiqh and the Compilation of Sharia Economic Law (KHES)</i> Asiah Aqilah Abdul Ghani, Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Zamro Muda, Siti Fatimah Azani	
Kefahaman Belia Muslim Memilih Pasangan Berdasarkan Konsep Kafa'ah Dalam Islam	35-45
<i>Understanding of Muslim Youth in Selecting a Spouse Based on the Concept of Kafa'ah in Islam</i> Zuliza Mohd Kusrin, Ummi Syahirah Razak	
Perlembagaan NGO Islam Di Malaysia: Analisis Terhadap Keperluan Pembentukan Garis Panduan	46-52
<i>The Constitution of Islamic Non-Governmental Organizations in Malaysia: An Analytical Assessment of the Need for Establishing Guidelines</i> Nur Aina Abdulah, Norhoneydatie Abdul Manap	
The Relationship Between Non-Halal Animals and Pandemic Diseases According to the Shafie School of Islamic Law	53-60
Mohamed Faiz Asyraf Razali	
Aplikasi Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah dalam Instrumen Tahanan Pencegahan di Malaysia	61-70
<i>Application of Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah in Preventive Detention Instruments in Malaysia</i> Muhammad Shaiffudin Bin Abu Bakar, Mohd Al Adib Bin Samuri	